

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.2()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 12 TAHUN 2022**

Tarikh : **29 Disember 2022 (Khamis)**

Masa : **8.30 pagi – 11.15 pagi**

Tempat : **Mercure Hotel, Langkawi**

Kehadiran : **Seperti di Lampiran A**

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN DISEMBER 2022

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Disember 2022 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini

merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang dua belas dan mesyuarat terakhir bagi tahun 2022. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar berkongsi berkenaan beberapa amanat yang telah disampaikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. Amanat pertama berkenaan dasar penjimatan. Perdana Menteri menegaskan supaya agensi kerajaan menghentikan penganjuran majlis besar-besaran serta pembelian pakaian baharu bagi sesuatu majlis untuk mengelak pembaziran perbelanjaan. Selain itu juga, Perdana Menteri menegaskan supaya budaya memberi cenderamata dihentikan kerana tidak bersesuaian dengan etika pengurusan dan pimpinan serta membebankan rakyat.

Seterusnya, bagi mengelakkan kebocoran, ketirisan dan rasuah daripada terus berleluasa, semua agensi kerajaan perlu melaksanakan penjimatan dalaman bagi menentukan semua perbelanjaan dan proses tata kelola kerajaan adalah selaras dengan prinsip serta peraturan pengurusan kewangan ditetapkan.

Amanat kedua adalah berkaitan kemudahan kepada penjaja kecil. Dalam ucapan Perdana Menteri di Konvensyen Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan 2022 pada 22 Disember 2022, Perdana Menteri menegaskan supaya Pihak Berkuasa Tempatan terutamanya di kawasan bandar perlu

menyediakan kemudahan infrastruktur yang selesa kepada penjaja dan peniaga kecil agar mereka dapat menjalankan perniagaan dengan suasana kondusif. Kemudahan ini perlu disediakan memandangkan kumpulan berkenaan turut menjadi penyumbang kepada ekonomi negara menerusi perniagaan yang dijalankan.

MBSJ menyokong dan telah menyediakan berbagai kemudahan serta inisiatif kepada penjaja kecil di kawasan pentadbiran Majlis seperti melaksanakan *business engagement* dengan komuniti peniaga, melaksanakan pembangunan peniaga kecil pasar malam dan pasar pagi, penempatan penjaja kecil, permohonan tapak bazar Ramadan secara dalam talian, program pembangunan usahawan B40, mewujudkan lokasi peniaga *food truck* dan lain-lain.

Manakala amanat ketiga pula berkaitan kenaikan gaji tahunan kepada penjawat awam. Bagi menzahirkan terima kasih di atas kesungguhan yang tidak berbelah bahagi anggota awam dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, Kerajaan Perpaduan bersetuju untuk meneruskan pemberian Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) Tambahan Khas 2023 sebanyak RM100.00 kepada semua penjawat awam gred 11 hingga 56. Kelulusan ini dibentangkan dalam Mini Belanjawan / Bajet Mini 2023 pada 20 Disember 2022. Warga kerja MBSJ mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Kerajaan kepada penjawat awam.

- ii) Datuk Bandar juga berkongsi kejayaan MBSJ yang telah berjaya mengutip 100% sasaran hasil pada tahun ini. Kutipan sehingga 26hb Disember 2022 adalah RM 279,169,262.00 daripada sasaran Majlis iaitu RM 279,141,500.00.

Peratus kutipan terperinci mengikut jenis hasil adalah Cukai Taksiran mencapai 93%, Lesen dan Permit (116%), Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan (193%), Jualan (104%), Sewaan (122%), Faedah dan Perolehan dari Pelaburan (98%), Denda dan Hukuman (90%) dan Lain-lain Agensi Kerajaan (100%).

- iii) Datuk Bandar juga memaklumkan bahawa MBSJ telah menerima aduan berkaitan bau busuk di PUJ 9 Taman Puncak Jalil, Seri Kembangan berpunca dari tapak pembuangan sampah haram di Bukit Serdang 5 (BS 5), Seri Kembangan pada bulan September 2022.

Siasatan mendapati terdapat beberapa lot tanah persendirian di BS 5 yang menjalankan aktiviti meratakan tanah dengan membuat penambakan menggunakan sampah dan sisa binaan. Aktiviti ini telah menyebabkan *leachate* atau air larut resap dari kawasan penambakan berkumpul ke kolam takungan yang terdapat dalam kawasan tanah persendirian tersebut. *Leachate* tersebut kemudian masuk ke saluran awam sehingga ke kolam takungan di PUJ 9 sehingga menyebabkan pencemaran bau.

Pihak Majlis telah mengeluarkan Notis Tawaran Kompaun (NTK) kepada pemilik tanah Lot 2029 atas kesalahan melakukan pencemaran parit awam pada 22 September 2022.

Lawatan tapak telah diadakan pada 14 November 2022 bersama agensi luar iaitu pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Indah Water Konsortium (IWK) dan Pejabat Daerah dan Tanah Petaling (PDTP). Hasil lawatan tersebut, MBSJ telah memutuskan beberapa tindakan segera dilaksanakan di tapak, iaitu:

- a. Pihak MBSJ menutup laluan masuk dengan batu blok pada 15 November 2022;
- b. Pihak IWK menyedut air *leachate* keluar pada 16 November 2022;
- c. Notis Kacau Ganggu (NKG) telah dikeluarkan kepada pemilik tanah Lot 2033 dan 2029, termasuk kepada pengusaha di lokasi tersebut untuk tindakan pembersihan dalam tempoh 7 hari bermula 29 November 2022 hingga 5 Disember 2022.

Mesyuarat Penyelarasan Aduan Bau Busuk di Kolam Takungan PUJ 9 dan BS 5 yang diadakan pada 1 Disember 2022 memutuskan untuk melantik Worldwide Holdings Berhad (WHB) bagi kerja-kerja merawat dan tindakan berkaitan di kolam takungan PUJ 9 dan kolam-kolam di BS 5 (Lot 2033 dan Lot 2029).

Lawatan tapak dan sidang media bersama YAB Dato' Menteri Besar Selangor dan Exco serta wakil agensi-agensi berkaitan telah diadakan pada 5 Disember 2022.

Mesyuarat MMKN pada 7 Disember 2022 telah memutuskan agar kerja-kerja awalan bagi pengurangan aduan bau busuk dan kacau ganggu awam dilaksanakan oleh pihak Worldwide Holdings (WHB). Bagi tindakan jangka panjang, pihak Negeri akan mengambil tindakan kepada pemilik tanah sebelum membuat penutupan selamat tapak pelupusan haram tersebut.

Susulan daripada itu juga, pihak Majlis telah mengeluarkan 3 NTK di bawah Seksyen 70A (9) Akta Jalan Parit dan Bangunan kepada pemilik tanah yang melakukan penambakan sampah di BS 5 dan BS 3 serta Notis Pemberitahuan Bangunan (NPB) pada pemilik kandang anjing di Lot 2033, BS 5 untuk meruntuhkan struktur bangunan dalam tempoh 3 hari bermula 9 Disember 2022. Selepas tamat NPB, Majlis telah mengeluarkan Notis Mengosong dan Meruntuh Bangunan pada 21 Disember 2022 untuk pemilik mengambil tindakan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh notis.

Pelaksanaan Kerja oleh Worldwide Holdings Berhad telah dimulakan pada 6 Disember 2022 selepas tempoh Notis Kacau Ganggu tamat pada 5 Disember 2022. Kerja-kerja yang dilaksanakan telah selesai pada 16 Disember 2022. Kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh pihak Worldwide adalah :

- a. Semburan EM (*Effective Microbe*) di kolam takungan PUJ 9 dan BS 5;
 - b. *Desludging* kolam PUJ 9; dan
 - c. Menutup laluan air masuk dan keluar dari kolam takungan di Lot 2033 dan 2029 bagi mengelakkan air larut resap (*leachate*) masuk ke saliran awam.
- iv) Datuk Bandar turut memaklumkan bahawa MBSJ secara rasminya telah melancarkan Geran Komuniti Subang Jaya Smart Vibrant atau juga dikenali sebagai SJSV- Community Grants 2023. Belanjawan tahun 2023 telah memperuntukkan RM 3 juta di dalam bentuk peruntukan geran komuniti kepada organisasi / NGO / persatuan penduduk / institusi pendidikan untuk memohon peruntukan bagi pelaksanaan projek, aktiviti atau inisiatif kemasyarakatan mengikut pilihan dan cadangan mereka yang akan membantu meningkatkan prestasi dalam bidang 6 kriteria utama Subang Jaya Smart Vibrant.

MBSJ menetapkan geran yang diberikan boleh berkonsepkan projek/inisiatif berbentuk CEPA (communication, education and public awareness), perkhidmatan, kajian dan penyelidikan serta jaringan (networking).

Bidang berkaitan yang telah ditetapkan meliputi 6 ciri bandar iaitu Bandar Makmur, Bandar Selamat, Bandar Pintar, Bandar Hijau, Bandar Sihat dan Bandar Sejahtera.

Hanya projek dalam bidang berkaitan dengan tujuan membantu meningkatkan prestasi bandaraya Subang Jaya sahaja layak untuk bantuan geran. Projek mestilah mempromosikan dan mencapai objektif yang disasarkan samada di peringkat komuniti, institusi pendidikan ataupun Bandaraya MBSJ. Skop am meliputi pengurangan penggunaan sumber, masa dan tenaga serta impak negatif, penggunaan semula sumber samada dalam bentuk asal ataupun baru. Projek boleh di dalam bentuk tindakan mengurangkan (*mitigation*) ataupun mencegah (*prevention*), penggunaan sumber menerusi pendekatan aplikasi teknologi (*adaptation*), rekabentuk circular dan perubahan gaya hidup dan amalan ke arah kemampanan.

Projek juga digalakkan meliputi aktiviti CEPA (*communication, education and public awareness*), servis, kajian, jaringan (*networking*) bagi pelaksanaan di tapak dan pemantauan kemajuan.

Hasil keluaran projek hendaklah terdiri daripada aktiviti baharu sama ada melaksanakan inisiatif baharu mahupun memperluaskan skop liputan aktiviti atau kawasan bagi inisiatif sedia ada.

Bantuan geran adalah hanya untuk projek/inisiatif yang akan dijalankan di kawasan pentadbiran MBSJ saja. Pertimbangan

akan diberikan bagi projek CEPA yang meliputi majoriti kawasan atau kumpulan sasaran daripada kawasan MBSJ ataupun tidak kurang daripada 80%, mana- mana satu lebih tinggi.

Peruntukan geran komuniti yang boleh diberikan adalah minima RM8,000.00 dan jumlah maksima adalah sebanyak RM50,000.00 bagi satu-satu projek. MBSJ berhak meluluskan apa-apa amaun geran yang diberikan selain daripada yang dimohon berdasarkan kepada penilaian teknikal dan keperluan semasa. Keputusan kelulusan projek dan amaun yang diberikan adalah muktamad. Walaubagaimanapun, amaun lebih tinggi boleh dipertimbangkan sekiranya projek /inisiatif menunjukkan merit dan impak yang positif.

Semua permohonan geran komuniti akan melalui Jawatankuasa Penilaian yang terdiri daripada pegawai MBSJ termasuk penilai luar yang boleh dipanggil untuk memberikan penilaian berdasarkan kepakaran serta pengalaman mereka.

Setiap permohonan perlu disertai dengan Borang Permohonan Geran SJSVCG serta cadangan kertas kerja projek atau program yang ingin dilaksanakan. Borang permohonan geran SJSVCG boleh di dapati di laman sesawang MBSJ iaitu www.mbsj.gov.my

- v) Seterusnya pemakluman berkenaan penganjuran Seminar Reka Bentuk Sejangat Bandar Mesra Orang Kurang Upaya yang telah

dilaksanakan pada 15 Disember 2022 (Khamis) di Hotel Sunway Resort, Subang Jaya.

Matlamat utama seminar adalah bagi meningkatkan kesedaran tentang keperluan terhadap kemudahan OKU dalam pembangunan sejagat. Setiap pembangunan fizikal dan sosial perlu diambilkira di dalam melaksanakan perkhidmatan sejajar dengan perkembangan perbandaran semasa.

Seminar ini merupakan usahasama MBSJ bersama Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita dan Keluarga Kerajaan Negeri Selangor, pihak Majlis Tindakan Orang Kurang Upaya Selangor (MTOS) serta pihak Sunway Group.

Seminar ini telah dirasmikan oleh Y.B. Puan Dr Siti Mariah binti Mahmud selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kerajaan Negeri Selangor. Turut dihadiri oleh Tuan Haji Mohammad Hanafi bin Haji Maulud Pengerusi, (MTOS), Dato' KL Tan, Senior Managing Director, Chairman's Office, Sunway Group, wakil UPEN Negeri Selangor, Ketua Jabatan Anak Istimewa Selangor (AnIS), Ahli Majlis MBSJ, Ketua-ketua Jabatan Dalaman MBSJ dan wakil-wakil PBT Negeri Selangor. Jumlah kehadiran keseluruhan adalah seramai 65 orang.

Moderator seminar ini ialah Prof. Dato' Sri Ar. Dr Asiah Abdul Rahim, Pengerusi Jawatankuasa Kecil Reka bentuk Sejagat dan Alam Bina, MTOS merangkap Ketua KAED Universal Design Unit, Kulliyah Senibina dan Reka bentuk Alam Sekitar, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau berpengalaman luas dalam reka bentuk sejagat dan telah berkongsi ilmu yang amat penting kepada Pihak Berkuasa Tempatan di dalam membangunkan dan menyelenggara perbandaran dengan menjaga kepentingan OKU.

Kandungan program seminar amat padat dengan sesi pagi merupakan pengenalan kepada reka bentuk sejagat untuk kemudahan OKU, latihan membaca pelan aksesibiliti dan simulasi audit beserta peralatan OKU. Manakala forum aksesibiliti dan kemudahan mesra OKU dikongsikan sendiri oleh penceramah OKU penglihatan, OKU berkerusi roda, OKU pendengaran beserta jurubahasa isyarat dan OKU warga emas. Pada sesi petang pula merupakan perkongsian pengalaman pihak PBT di dalam memperkasakan kemudahan OKU.

Golongan OKU merupakan golongan minoriti dalam masyarakat terutamanya di Malaysia. Mereka memerlukan sokongan dan pembelaan daripada masyarakat supaya golongan ini dapat menjalani kehidupan seharian sebagaimana individu yang lain.

Oleh itu, mereka mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain.

Pendekatan berasaskan hak atau *rights-based* dan juga perlindungan wajar digunakan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU. Dalam hal ini, perkara utama yang perlu dititikberatkan ialah fasiliti yang disediakan untuk golongan OKU. Setelah sekian lama, reka bentuk bandar telah menyekat golongan OKU serta memberi halangan untuk bersosial. Jika sesuatu bandar dirancang dengan aksesibiliti yang baik, semua golongan pengguna akan berasa inklusif.

MBSJ mengharapkan program ini dapat memberikan manfaat dan perkongsian ilmu yang berguna kepada semua PBT Negeri Selangor yang sentiasa mengutamakan keselesaan kepada semua golongan penduduk.

Selain daripada membuat penambahbaikan kepada kemudahan dan fasiliti kepada komuniti khususnya warga OKU ia juga merupakan usaha bagi memperkasakan dan memperjuangkan nasib dan hak warga OKU di Negeri Selangor sekaligus menetapkan indikator dalam menyediakan kemudahan dan capaian ke arah Reka Bentuk Sejangat Bandar Mesra Orang Kurang Upaya.

Meninjau kepada program seminar yang amat berkesan kepada pembangunan reka bentuk sejangat bandar mesra orang kurang upaya ini, Y.B. Puan Dr Siti Mariah binti Mahmud telah bercadang untuk mengadakan seminar *Universal Design in Development-*

Selangor Penyayang pada 7 Mac 2023 dan memilih MBSJ sebagai koordinator seminar dan jemputan peserta terdiri daripada ahli-ahli badan professional seperti Perancang Bandar, Akitek, Jurutera, Akitek Landskap, ahli-ahli persatuan kontraktor binaan berdaftar dengan CIDB, NGO-NGO, pensyarah-pensyarah Universiti dan pegawai-pegawai pemaju perumahan ahli REDHA.

Matlamat utama seminar yang dicadangkan ini juga adalah bagi :

- a. Meningkatkan kesedaran tentang keperluan terhadap kemudahan OKU dalam pembangunan sejagat. Kepentingan kepada kemudahan aksesibiliti OKU ini adalah menjadi tanggungjawab bersama ke arah penyelesaian semua golongan masyarakat.
 - b. Memberi pendedahan yang membina serta positif supaya para pegawai, pemaju dan professional terutama dalam bidang binaan lebih peka tentang reka bentuk kemudahan OKU dan dapat diterapkan serta diaplikasikan dalam semua projek pembangunan baru dan retrofit bangunan lama.
 - c. Untuk memperkenalkan para peserta tentang aplikasi konsep bebas halangan dan reka bentuk sejagat serta kesedaran kepada para peserta tentang masalah dan cabaran yang dihadapi oleh OKU jika akses yang sempurna tidak disediakan.
- vi) Datuk Bandar turut memaklumkan bahawa MBSJ akan menganjurkan Majlis Munajat Iltizam Ambang Tahun 2023 pada 30

Disember 2022 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari sehingga 10.00 malam di Masjid Al-Ehsan, BK 5, Bandar Kinrara.

Pelbagai aktiviti menarik telah disusun antaranya adalah :

- a. Penyampaian Tazkirah Solat Jumaat oleh Imam Muda Ustaz Muhammad Hafiz bin Abdul Khodir bermula jam 12.00 tengah hari;
- b. Tahsin Bacaan Surah Al-Fatihah Bersanad yang akan disampaikan oleh Penceramah Bebas iaitu Ustaz Nik Muhammad Rabbani bin Nik Zainal Alam pada jam 3.00 petang;
- c. Sesi Ceramah Penghayatan Solat oleh Ustaz Muhammad Fahmi bin Mohamed Amin, Penceramah Bebas akan diadakan selepas solat Asar;
- d. Selepas solat Maghrib, akan diadakan Ceramah Iltizam Ke Arah Pembentukan Insan Cemerlang oleh YAD Dato' Setia Dr. Hj. Anhar bin Hj. Opir, Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor; dan
- e. Alunan Qasidah dari Kumpulan Al-Busyra, Yayasan As Sofa.

MBSJ turut menyediakan gerai penjaja dengan pelbagai jamuan makanan dan 1,000 jemaah terawal akan mendapat kupon makanan percuma. Marilah bersama-sama mengimarahkan Masjid Al-Ehsan pada hari tersebut dengan menyertai pelbagai aktiviti menarik menanti jemaah dan pengunjung.

- vii) Datuk Bandar turut memaklumkan Majlis Bandaraya Subang Jaya berkenaan permohonan Permit Bazar Ramadan MBSJ tahun 2023 telah dibuka secara dalam talian (*online*) bermula 13 Disember 2022 sehingga 31 Disember 2022.

Sebanyak 25 lokasi Bazar Ramadan MBSJ akan dibuka di zon Subang Jaya (6 lokasi), Kinrara (2 lokasi), Putra Heights (2 lokasi), Puchong (8 lokasi) dan Serdang / Seri Kembangan (7 lokasi).

MBSJ turut membuat hebahan melalui kain rentang, poster, laman web MBSJ dan media sosial MBSJ. MBSJ juga mewajibkan semua peniaga untuk menyediakan QR Code *E-wallet* kepada pelanggan seperti *Touch 'n' Go*, *Maybank QR Pay*, *Boost*, *Grab Pay* dan lain-lain.

MBSJ juga akan melaksanakan kempen Kelestarian Alam Sekitar seperti Kempen Bebas Polisterina / *Stereofoam* dan penggunaan penyedut minuman plastik serta Kempen Kitar Semula Minyak Masak Terpakai.

- viii) Datuk Bandar menghebahkan bahawa MBSJ akan menganjurkan Program Selamat Pagi Subang Jaya pada 1 Januari 2023 (Ahad) bertempat di Jalan Kemajuan, Subang Jaya (berhadapan Aeon Big dan Subang Parade) bermula jam 7.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Pelbagai aktiviti menarik berkonsepkan gaya hidup sihat (sukan dan riadah) telah disediakan kepada komuniti bandar raya Subang

Jaya yang hadir. Antara aktiviti yang akan dijalankan adalah Pesta Sarapan Pagi, Kejohanan Berbasikal Selangor *Criterion Series* 2022, Pertandingan Buskers Saringan Ketiga, Pemeriksaan Kesihatan Percuma dan lain- lain lagi.

Warga kerja serta penduduk di kawasan pentadbiran Majlis dijemput hadir beramai-ramai bagi memeriahkan dan menyokong program tersebut.

- ix) Datuk Bandar memberitahu sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada Majlis Perwakilan Penududuk (MPP) MBSJ dalam usaha mereka membentuk masyarakat yang madani seiring dengan Pelan Strategik MBSJ 2020-2025 dan *Sustainable Development Goals* (SDGs) iaitu SDG 11: *Sustainable Cities and Communities*, MBSJ akan mengadakan Majlis MBSJ *Vibrant Community Awards* 2022 pada 15 Januari 2023 (Ahad), jam 8.00 hingga 11.00 malam bertempat di Sunway Resort Hotel.

Majlis ini diadakan bagi membolehkan MBSJ membuat penilaian terhadap komitmen yang diberikan menerusi kriteria yang telah ditetapkan serta memberi ruang dan peluang kepada MPP untuk bersaing secara sihat dalam pembentukan masyarakat dan perbandaran vibrant yang hidup, bersemangat, bertenaga, mesra dan mengekalkan perbandaran hijau.

Sebanyak 8 kategori anugerah tahun 2022 akan dipertandingkan iaitu Anugerah Program Kemasyarakatan MPP MBSJ, Anugerah Pengurusan Projek Inden MPP MBSJ , Anugerah Kejiranan Hijau MPP MBSJ, Anugerah Program Alam Sekitar Pangsapuri Dan Kampung Angkat MPP MBSJ, Anugerah Pengurusan Pentadbiran MPP MBSJ, Anugerah Pangsapuri dan Kampung Angkat MPP MBSJ, Anugerah Pegawai Kawasan MPP MBSJ dan Anugerah MPP MBSJ Terbaik Keseluruhan.

Jemputan melibatkan 12 orang bagi setiap MPP meliputi seorang Ahli Majlis, seorang pembantu Ahli Majlis dan 10 orang wakil MPP.

- x) Seterusnya pemakluman berkenaan Misi Selangor Penyayang 3.0: Pasca Banjir Kelantan Dan Terengganu yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Mesyuarat penyelarasan Misi Selangor Penyayang 3.0 telah diadakan pada 23 Disember 2022 yang dipengerusikan oleh YB Tuan Mohd Khairuddin bin Othman, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda, Sukan dan Pembangunan Modal Insan.

MBSJ juga akan menyertai misi tersebut dengan menghantar penyertaan 20 orang anggota dengan aset Majlis terdiri daripada 2 buah Toyota Hilux (4 X 4), 2 buah Van Hi Ace, 1 buah Lori Kecil (1 Tan) dan 2 buah Lori Roro.

- xi) Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Sehingga minggu 50 iaitu antara 11 Disember 2022 sehingga 17 Disember 2022 terdapat sebanyak 4,344 kes positif demam denggi dengan 6 lokaliti hotspot denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ. 6 lokaliti hotspot denggi di kawasan pentadbiran MBSJ yang dikesan ialah di Taman Puchong Utama 8, Taman Puchong Indah 2, SS 15/2, Taman Pinggiran USJ 1, Taman Puncak Jalil 5 dan Taman Lestari Putra 3.

Masyarakat juga dinasihatkan untuk membuat semburan aerosol di dalam premis dan menggunakan repellan apabila keluar terutama mereka yang tinggal di kawasan wabak denggi.

- xii) Datuk Bandar mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada semua penganut agama Kristian serta penduduk di kawasan pentadbiran MBSJ yang merayakannya.

Beliau juga mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2023 yang akan tiba 2 hari lagi. Semoga tahun mendatang lebih menjanjikan kebahagiaan, keceriaan, keharmonian dan kesejahteraan daripada tahun sebelumnya.

- xiii) Datuk Bandar turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Majlis MBSJ di atas komitmen dan usahasama sepanjang tempoh perkhidmatan bagi penggal 2021/2022 yang akan tamat pada 31 Disember 2022. Semoga usahasama ini dapat

diteruskan di masa-masa akan datang. Segala sumbangan, idea dan tenaga yang diberikan sepanjang perkhidmatan amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 11/2022

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.11/2022 bertarikh 30 November 2022 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 11/2022

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.11/2022 bertarikh 30 November 2022 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 10/2022 bertarikh 7 Disember 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 2.1 & m/s 1	Encik Yap Kok Weng	<p>Program Pendidikan Lestari Kembara Hutan Simpan Ayer Hitam MBSJ 2023 oleh Ravichandran Everest & Global Expedition Consultancy</p>	<p>Beliau memohon penjelasan lanjut berkaitan program seperti lokasi, cara pelaksanaan dan kadar bayaran yang ditetapkan.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa program ini merupakan usahasama antara MBSJ dengan UPM dan menjurus kepada program kesedaran berbentuk taklimat serta kembara di Hutan Simpan Ayer Hitam.</p> <p>Program ini dicadangkan dalam tempoh sehari dan akan dikelola oleh Encik Ravichandran Tharumalingam.</p> <p>Program ini masih di peringkat cadangan dan akan dibincangkan dengan lebih lanjut.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
2.	Para 2.2 & m/s 2	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Tayangan Video Pemenang Pertandingan Video Pendek Destinasi Pelancongan MBSJ 2022	Beliau mencadangkan supaya video pendek destinasi pelancongan MBSJ 2022 dikongsi untuk dihebahkan kepada penduduk. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat memaklumkan bahawa semua video pendek destinasi pelancongan MBSJ 2022 telah dimuat naik dalam media sosial rasmi MBSJ bagi tujuan hebahan dan promosi. Makluman

6.2 Laporan Mesyuarat Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 22/2022 bertarikh 22 November 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 23/2022 bertarikh 8 Disember 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 8/2022 Bertarikh 8 Disember 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 6.1 & m/s 6	Encik Yap Kok Weng	Pemasangan CCTV di MPP Seri Kembangan	Beliau memohon supaya pemasangan cctv di MPP Seri Kembangan dapat direalisasikan pada tahun 2023 dengan pengawasan optimum. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat meminta

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Jabatan Teknologi Maklumat mengadakan perbincangan dengan pihak SSDU dan MPP berkaitan berkenaan kadar bayaran serta bilangan cctv untuk penambahan bagi mendapatkan pengawasan optimum. Mesyuarat memutuskan supaya hasil perbincangan tersebut dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa akan datang.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Teknologi Maklumat</p>
2.	Para 5.2 & m/s 11	Encik Yap Kok Weng	Laporan Pusat Kawalan Subang Jaya (SJCC) bagi Bulan Oktober dan November 2022	<p>Beliau memohon penjelasan berkenaan perkara berikut :</p> <p>i) Status Sistem Pengawasan Paras Air yang mempunyai masalah bermula bulan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>November;</p> <p>ii) Mencadangkan supaya MBSJ mempunyai sistem kawalan kestabilan cerun.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>i) Mesyuarat memaklumkan bahawa 4 Sistem Pengawasan Paras Air telah dibaik pulih dan beroperasi seperti biasa.</p> <p>ii) Jabatan Kejuruteraan melaksanakan pemantauan cerun secara berkala terhadap cerun di kawasan pentadbiran Majlis. Cadangan Sistem Kawalan Kestabilan Cerun akan dikaji dan dimasukkan dalam</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				perancangan Jabatan Kejuruteraan pada tahun 2023. Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 12/2022 Bertarikh 13 Disember 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
3.	Para 5 & m/s 18	Encik Yap Kok Weng	Cadangan Kadar Kompaun dan Kadar Kos Tunda Terhadap Kenderaan Berat yang Ditunda dalam Kawasan Pentadbiran MBSJ	Beliau memohon supaya pemakluman dan hebahan kepada umum dibuat sebelum cadangan ini dilaksanakan. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat memaklumkan bahawa pelantikan syarikat

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>kren swasta untuk menunda kenderaan berat akan dibuat melalui kaedah Tender Terbuka menggunakan peruntukan tahun 2023. Hebahan kepada umum akan dibuat sebelum pelaksanaan cadangan ini.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Penguatkuasa</p>

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 4/2022 Bertarikh 14 Disember 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 10/2022 Bertarikh 16 Disember 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 2.1 & m/s 4	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Taklimat Laporan Prestasi Bulanan daripada KDEB Waste Management Sdn. Bhd.	Beliau memohon penjelasan berkenaan 16 Notis Tindakan Pembetulan (NTP) Kutipan Domestik. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat memaklumkan bahawa bukan semua 16 NTP yang dilaporkan adalah disebabkan kegagalan kutipan sampah tetapi NTP juga dikeluarkan terhadap ketidakpatuhan arahan Majlis seperti melonggokkan sampah sebelum lori sampai, masalah air sampah disebabkan kebocoran lori dan kesalahan-

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>kesalahan lain berkaitan kutipan.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>
2.	Para 7.1(viii) & m/s 11	Encik Yap Kok Weng	Masalah Anjing Liar	<p>Beliau memohon penjelasan tentang perancangan Majlis berkaitan masalah anjing liar.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan Kesihatan membentangkan laporan berkaitan masalah anjing liar dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar akan datang.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Kesihatan</p>
3.	Para 2.1(iv) & m/s 5	Encik Muhamma d Fauzan bin Rosli	Taklimat Laporan Prestasi Bulanan daripada KDEB Waste Management Sdn. Bhd.	<p>Beliau memaklumkan bahawa di kawasan zon 12 terdapat saliran yang diselia melibatkan beberapa pihak seperti MBSJ, MPSP, MPKL dan JPS. Perkara ini menyebabkan terdapat</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>masalah penyelenggaraan yang tidak dilaksanakan sehingga mengakibatkan masalah apabila berlaku banjir. Beliau mencadangkan supaya dibuat penyelarasan bersama semua pihak supaya lokasi persempadanan saliran dapat ditetapkan.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta supaya dilaksanakan lawatan tapak bagi mengenalpasti masalah di lokasi untuk dipanjangkan kepada Kerajaan Negeri untuk tindakan penyelesaian.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 13/2022 Bertarikh 19 Disember 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 6.3 & m/s 15	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Pembinaan Jalan Konkrit	<p>Beliau memaklumkan bahawa dalam Mesyuarat IPMC yang lepas, pihak Invest Selangor memberitahu bahawa Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor telah mensyaratkan kepada pemaju untuk membina jalan konkrit dalam kawasan industri baru pada tahun 2015.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta supaya Jabatan mengambil menyemak perkara ini dan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>syarat pembinaan jalan konkrit di kawasan industri baru dimasukkan dalam syarat pembangunan MBSJ.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan: Jabatan Kejuruteraan</p>

6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 12/2022 Bertarikh 20 Disember 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
2.	Para 9.3(iii) (19) & m/s 20	Encik Chia Yew Ken	Kertas Cadangan Pembaharuan Lesen Perniagaan Tahun 2023 Bagi	Beliau memohon supaya Majlis mengkaji semula pembatalan lesen bagi Syarikat Barefoot Reflexology dengan membuat semakan semula.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			Aktiviti Pusat penjagaan Kesihatan (Barefoot Reflexology)	Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat meminta supaya Jabatan Pelesenan membuat pemeriksaan semula di lokasi dan dibincangkan semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa akan datang. Tindakan: Jabatan Pelesenan

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

7.1 Kertas Pelaporan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) bagi ISO 37001:2016 di Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi tahun 2022 (Kertas Mesyuarat Bil.12/12/2022)

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Unit Integriti dan dibentangkan oleh Puan Emilia binti Nasir, Pegawai Integriti MBSJ.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat menerima kertas pelaporan tersebut.

Makluman

7.2 Kertas Cadangan Keahlian Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi (Kertas Mesyuarat Bil.13/12/2022)

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan dibentangkan oleh Tuan TPr. Ismail bin Muhamad, Pengarah Perancangan Bandar.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat menerima kertas cadangan keahlian Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar seperti berikut :

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Dato' Johary bin Anuar	Pengerusi
2.	Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali	Timbalan Pengerusi
3.	Encik Yap Kok Weng	Ahli
4.	Encik M. Anbarasan a/l Murugesu	
5.	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	

BIL	NAMA	JAWATAN
6.	Encik Chia Yew Ken	
7.	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	
8.	Puan Ng Seow Chen	
9.	Encik Teh Eng Teck	
10.	Encik Mohd Tarmizi bin Lazim	
11.	Encik Mohamad Syafiq bin Mohamad Norizan	Ahli
12.	Encik Jestin Raj Savarimuthu	
13.	Encik Mohd Fitri bin Jamaludin	
14.	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	
15.	Jabatan Perancangan Bandar	Urus setia
16.	Jabatan Kejuruteraan	Jemputan Agensi
17.	Jabatan OSC	
18.	Jabatan Bangunan	
19.	Jabatan COB	
20.	Jabatan Landskap	
21.	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	
22.	Jabatan Undang-Undang	
23.	Pejabat Tanah Daerah Petaling	
24.	Plan Malaysia@Selangor	
25.	Jabatan Pengairan dan Saliran	
26.	Jabatan Alam Sekitar	
27.	Jabatan Mineral dan Geosains	
28.	Lain-lain Jabatan Yang Diperlukan Kelak oleh Datuk Bandar	

3 Jawatankuasa kecil yang dipindahkan di bawah Jawatankuasa Perancangan Bandar adalah Jawatankuasa Kecil Local Agenda 2030 dan Bandar Mampan, Jawatankuasa Kecil Pengangkutan Awam dan Jawatankuasa Teknikal Papan Iklan Luaran.

Tindakan:

**Jabatan Perancangan Bandar /
Jabatan Khidmat Pengurusan**

7.3 Kertas Cadangan Permohonan Geran Kecemerlangan Tahunan Majlis Bandaraya Subang Jaya tahun 2022 (Kertas Mesyuarat Bil.14/12/2022)

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Encik Ismail bin Salim, Pengarah Khidmat Pengurusan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat memutuskan perkara berikut :

- i) Peruntukan Geran Kecemerlangan Tahunan Majlis Bandaraya Subang Jaya (Vot 42779 : Lain-lain Persatuan) dinaikkan daripada RM200,000.00 kepada RM300,000.00.

- ii) Kegunaan Geran Kecemerlangan diperluaskan kepada urusan mesyuarat khas anggota kerja yang secara jelas menyumbang kepada produktiviti organisasi.

Tindakan:

Jabatan Khidmat Pengurusan

7.4 Kertas Cadangan Sagu Hati Kepada Ahli Majlis Sesi 2021/2022 Yang Telah Tamat Perkhidmatan (Kertas Mesyuarat Bil.15/12/2022)

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Encik Ismail bin Salim, Pengarah Khidmat Pengurusan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju pembayaran sagu hati kepada 22 orang Ahli Majlis MBSJ Sesi 2021/2022 yang telah tamat perkhidmatan sebanyak satu bulan Elaun Tetap iaitu RM 2,500.00 setiap seorang.

Tindakan:

Jabatan Khidmat Pengurusan

7.5 Kertas Cadangan Penyerahan Wang Cagaran MBSJ Bagi Tahun 2009 dan 2010 Kepada Pendaftar Wang tidak Dituntut (Kertas Mesyuarat Bil.16/12/2022)

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Perbendaharaan dan dibentangkan oleh Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, Pengarah Perbendaharaan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju penyerahan wang cagaran bagi tahun 2022 adalah dengan menyerahkan kutipan cagaran tahun 2009 sahaja berjumlah RM 2,880,084.70.

**Tindakan:
Jabatan Perbendaharaan**

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim, wakil daripada Parti Amanah.

9.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.15 pagi.

Tarikh Disediakan : 30 Disember 2022

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

(DATO' JOHARY BIN ANUAR), D.P.M.S

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBhg. Dato' Johary bin Anuar, D.P.M.S.
Datuk Bandar - Pengerusi
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Timbalan Datuk Bandar - Setiausaha
Mesyuarat
3. Tuan Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N., P.J.K.
Timbalan Setiausaha

HADIR (AHLI MAJLIS)

1. Encik Yap Kok Weng - Ahli Majlis
2. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
3. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim - "
4. Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh - "
5. Encik Chia Yew Ken
6. Encik Thomas Low Yew Sin - "
7. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
8. Puan Lee Jen Uyin - "
9. Encik Thong Kim Fatt - "
10. Encik Mohd Tarmizi bin Lazim - "

11.	Encik Teh Eng Teck	-	"
12.	Encik Mohd Fitri bin Jamaludin	-	"
13.	Puan Aniza binti Jamaludin	-	"
14.	Encik Mohamad Syafiq bin Mohamad Norizan	-	"
15.	Encik Kenneth Sam a/l Saminathan	-	"
16.	Encik Jestin Raj Savarimuthu	-	"
17.	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	-	"
18.	Encik Mohamad Kamil bin Harun	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MBSJ)

1. Tuan Haji Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
2. Dr. Roslan bin Mohammad Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
3. TPr. Ismail bin Muhamad, A.I.S.
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
5. Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
6. Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

7. Encik Nor Azmi bin Hj Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
8. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pengarah, Jabatan Pelesenan
9. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Ts Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
11. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
12. Puan Hajah Noraizah binti Ali, K.M.N.,P.J.K.
Pengarah, Jabatan Unit Audit Dalam
13. Sr. Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
14. Encik Farid bin Ibrahim
Pengarah, Jabatan OSC
15. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
16. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
17. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
18. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | | | | |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Wong Yii Seang | - | " |
| 3. | Puan Ng Seow Chen | - | " |
| 4. | Cik Syafiqqa binti Zakaria | - | " |
| 5. | Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik | | |

URUSETIA

1. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan